

**MINIT SESI DIALOG ISU BERBANGKIT DARIPADA UCAPAN BAJET 2026 DAN RANG  
UNDANG-UNDANG CUKAI 2025  
ANTARA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM)  
DENGAN PERSATUAN AKAUNTAN DAN PENGAMAL PERCUKAIAN**

<b>TARIKH</b>	- 24 Februari 2026	
<b>MASA</b>	- 10.00 pagi – 11.25 pagi	
<b>KAEDAH</b>	- Bersemuka	
<b>KEHADIRAN</b>		
<b>PERWAKILAN LHDNM</b>		
1.	Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin	- Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) - <b>Pengerusi</b>
2.	Datuk Hisham Rusli	- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE) Dasar
3.	Dato' Khairul Halimin Abdul Halim	- TKPE Cawangan Khas
4.	En. Shaharrudy Othman	- TKPE Pematuhan/Operasi Percukaian
5.	Datuk Ahmad Khairuddin Abdullah	- TKPE Pengurusan
6.	En. Marside @ Marsidi Julika @Zelika	- Ketua Pegawai Operasi Cukai
7.	Dato' Azhar Husin	- Ketua Pegawai Sektor Siasatan
8.	En. Mohamad Fauzi Sa'at	- Ketua Pegawai Pematuhan Cukai
9.	Pn. Rosnita Ahmad	- Ketua Pegawai Dasar Percukaian
10.	Datuk Akmal Johari	- Pengarah Cawangan Siasatan Jenayah
11.	En. Vijayen Nagalingham	- Pengarah Cawangan Industri Khusus
12.	Pn. Zaleha Adam	- Pengarah Jabatan Undang-Undang (JUU)
13.	En. Shafudin Yacob	- Pengarah Jabatan Operasi Setem dan CKHT
14.	En. Azrul Hisham Shamsudin	- Pengarah Negeri, HASiL Wilayah Persekutuan Putrajaya
15.	En. Bacho Abdul Karim	- Pengarah Negeri, HASiL Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
16.	En. Jafni Hashim	- Pengarah Cawangan Pembayar Cukai Besar
17.	Pn. Anis Sabirin Jaapar	- Pengarah Cawangan Cukai Multinasional
18.	Pn. Norhaslinda Bukhari	- Pengarah Jabatan Resolusi Pertikaian

19.	En. Norhisham Ahmad	- Pengarah Cawangan Guaman Lembah Klang
20.	En. Syarein Abu Samah	- Pengarah Cawangan Pembayar Cukai Asing
21.	Pn. Esmarlina Mohd Isa	- Pengarah Negeri, HASiL Selangor
22.	Datuk Mukti Mohd Hassan	- Pengarah Bahagian, Sektor Pematuhan Cukai
23.	En. Muhammad Farid Jaafar	- Pengarah Bahagian, JUU
24.	En. Hairul Anuar Samsudin	- Pengarah Bahagian, Sektor Dasar Percukaian (SDP)
25.	Pn. Suhani Anuar	- Pengarah Bahagian, Jabatan Percukaian Antarabangsa
26.	Pn. Norzilah Mat Arbak	- Pengarah Bahagian, Jabatan Pungutan Hasil
27.	Pn. Nor Azila Abd Aziz	- Pengarah Bahagian, SDP
28.	Pn. Sharifah Sakinah Syed Al Idrus	- Pengarah Bahagian, SDP
29.	Pn. Anizah Ahad	- Pengarah Bahagian, Jabatan Penyelidikan dan Strategik
30.	Pn. Che Jah Nor Lailawati Ali	- Pengarah Bahagian, SDP
31.	En. Hadrin Hussain	- Pengarah Bahagian, Cawangan Pematuhan Strategik
32.	En. Muzairi Shaikh Osman	- Pengarah Bahagian, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif (PKPE)
33.	En. Mohamad Harzani Tahir	- Pengarah Seksyen, JUU
34.	Pn. Suhaili Masnan	- Pengarah Seksyen, SDP
35.	Pn. Noorhaya Ibrahim	- Pengarah Seksyen, SDP
36.	Pn. Nazahelsa Mohd Azami	- Pengarah Seksyen, SDP
37.	En. Mohd Faisal Ramli	- Eksekutif Hasil Kanan I, SDP
38.	En. Ahmad Shuqairy Kamarudin	- Eksekutif Hasil Kanan I, SDP
39.	Pn. Farah Eileena Hussein	- Eksekutif Hasil Kanan I, PKPE
40.	Pn. Nik Nur Halina Mohd Kashfi	- Eksekutif Hasil Kanan I, JUU
41.	Pn. Nur'izziani Adnan	- Eksekutif Hasil Kanan I, PKPE
42.	Pn. Zulfaizan Ismi Haron	- Eksekutif Hasil Kanan I, SDP

43.	Pn. Azrina Kamareadin	- Eksekutif Hasil Kanan I, SDP
44.	Cik Norsyamimi Bukhari	- Eksekutif Hasil Kanan II, JUU
45.	Pn. Wan Nur Syariatul Syakira Wan Abdullah	- Eksekutif Hasil Kanan II, PKPE
46.	En. Abdul Aziz Muhammad	- Eksekutif Hasil Kanan II, PKPE
47.	En. Muhammad Hafiszal Mohamad	- Eksekutif Hasil Kanan II, PKPE
48.	Pn. Elina Abdul Rashid	- Eksekutif Hasil, JUU
49.	En. Ahmad Faiz Zaidiazman	- Eksekutif Hasil, JUU
50.	En. Azraii Azahari Ab Gani	- Eksekutif Hasil, JUU
51.	Cik Farah Farzeela Abu Backer Maricar	- Sekretariat
52.	Pn. Rohaya Abdul Aziz	- Sekretariat
53.	Tn. Syed Mahathir Syed Mustaphanin	- Sekretariat
54.	Cik Nurul Arfah Ahmad Kusaini	- Sekretariat
55.	En. Mohd Hafiz Ismail	- Sekretariat
56.	En. Nazaruddin Mad Jidin	- Sekretariat
<b>PERWAKILAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF)</b>		
57.	Pn. Mahfuzah Baharin	- Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai (Galakan Cukai dan Sektoral)
58.	En. Ibrahim Abdullah	- Ketua Seksyen Bahagian Cukai (Galakan)
59.	En. Saiful Aznee Ab. Ghafar	- Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Cukai (Cukai Langsung)1
60.	Pn. Nor Syareena binti Yem	- Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Cukai (Galakan)1
61.	Pn. Siti Nadzirah Ibrahim	- Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Cukai (Galakan)2
62.	Cik Roslina Hamdan	- Penolong Setiausaha Bahagian Cukai (Cukai Langsung)2
63.	Pn. Chew Hoy Yan	- Penolong Setiausaha Bahagian Cukai (Cukai Langsung)3
64.	Cik Ain Sofiyah Othman	- Penolong Setiausaha Bahagian Cukai (Cukai Langsung)6

**PERWAKILAN PERSATUAN AKAUNTAN DAN PENGAMAL PERCUKAIAN**

## Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)

- |     |                           |   |
|-----|---------------------------|---|
| 65. | En. Soh Lian Seng         | - Presiden  |
| 66. | En. Alan Chung Ch'ung Yit | - Timbalan Presiden   |
| 67. | En. Anil Kumar Puri       | - Pengerusi - <i>Tax Policy Committee</i>                             |
| 68. | En. Thenesh Kannaa        | - Pengerusi Bersama - <i>Tax Policy Committee</i>                     |
| 69. | Ms. Sharon Yong           | - Pengerusi – <i>Stamp Duty &amp; RPGT Working Group</i>              |
| 70. | En. Steve Chia            | - Pengerusi – <i>Tax Incentives Working Group</i>                     |
| 71. | En. Tan Hooi Beng         | - Pengerusi – <i>International Tax &amp; Labuan Tax Working Group</i> |
| 72. | En. Kelvin Lim            | - Ahli Majlis   |
| 73. | En. Thong Vee Kean        | - Setiausaha  |

## The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)

- |     |                   |   |
|-----|-------------------|---|
| 74. | En. Beh Tok Koay  | - Pengerusi Jawatankuasa Amalan Percukaian      |
| 75. | En. Yee Wing Peng | - Naib Pengerusi Jawatankuasa Amalan Percukaian |
| 76. | En. Poon Yew Hoe  | - Ahli Jawatankuasa Amalan Percukaian           |
| 77. | Ms. Theresa Goh   | - Ahli Jawatankuasa Amalan Percukaian           |
| 78. | Ms. Woon Yoke Lee | - Ahli Jawatankuasa Amalan Percukaian           |

## Malaysian Institute of Accountants (MIA)

- |     |                            |  |
|-----|----------------------------|--|
| 79. | En. Renganathan A/L Kannan | - <i>Taxation Practice Committee (TPC)</i> |
| 80. | En. Nazimuddin Nazaruddin  | - <i>Member of TPC</i>                     |
| 81. | Pn. Rafidah Mohd Noor      | - <i>TPC Secretariat</i>                   |

## Malaysian Association of Tax Accountants (M.A.T.A)

- |     |                                   |                    |
|-----|-----------------------------------|--------------------|
| 82. | En. Amsyari Zarir b. Abdul Shakur | - Setiausaha Agung |
| 83. | Cik Suzana Che Saruji             | - Ahli MKT         |

The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)		
84.	Ms. Lee Mi Ryoung	- <i>Deputy Chairman, Taxation Committee</i>
85.	Ms. Soo Lay Hun	- <i>Member, Chief Executive Officer</i>
Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)		
86.	En. K Soorin Babu	Penolong Bendahari Kehormat

## 1. PENDAHULUAN

- 1.1. YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq bin Jamaluddin, KPE LHDNM selaku Pengerusi mengucapkan salam sejahtera dan mengalu-alukan kehadiran wakil persatuan akauntan dan pengamal percukaian (CTIM, MICPA, MIA, MAICSA, MATA dan MACS), wakil daripada MOF, pengurusan tertinggi LHDNM dan pegawai-pegawai LHDNM ke sesi dialog ini.
- 1.2. Pengerusi memaklumkan bahawa walaupun LHDNM telah mengemukakan draf maklum balas LHDNM dan MOF ke atas isu yang dibangkitkan di dalam Memorandum Bersama ke atas Isu Berbangkit daripada Ucapan Bajet 2026 dan Rang Undang-Undang Cukai 2025 bertarikh 11 Disember 2025 (Memorandum Bersama) tetapi draf maklum balas Memorandum Bersama tersebut bukan merupakan maklum balas yang muktamad tetapi akan dipinda bergantung kepada perbincangan isu-isu dalam sesi dialog ini. Sehubungan itu, Pengerusi memberi peluang kepada pihak pesatuan untuk membangkitkan semula isu-isu yang memerlukan perbincangan serta pengesahan lanjut.
- 1.3. Seterusnya, En. Soh Lian Seng, Presiden CTIM merakamkan ucapan terima kasih atas penganjuran sesi dialog pada tahun ini dan maklum balas yang telah diberikan oleh LHDNM dalam Memorandum Bersama. Beliau juga mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina dan Selamat menyambut Ramadan kepada semua yang menyambut perayaan tersebut dan memperkenalkan secara ringkas wakil persatuan yang hadir dalam sesi dialog tersebut. En. Soh Lian Seng memaklumkan beberapa isu yang akan dibincangkan dalam sesi dialog ini adalah berhubung Cukai Keuntungan Modal (CKM), Duti Setem, Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) dan beberapa isu yang lain.
- 1.4. Sesi dialog kemudiannya diteruskan oleh En. Anil Kumar Puri selaku wakil persatuan akauntan dan pengamal percukaian bagi membentangkan isu-isu yang perlu pengesahan lanjut.

## 2. PERBINCANGAN ISU

- 2.1. Merujuk kepada perenggan 1.1(1) Memorandum Bersama, Encik Anil Kumar memerlukan penjelasan lebih lanjut berkaitan definisi 'pelupusan' sama ada definisi 'pelupusan' baharu yang dimasukkan dalam seksyen 65C bagi suatu pelupusan termasuk penghapusan mana-mana hak terhadap aset modal disebabkan oleh pembubaran atau penggugungan suatu

syarikat, pertukaran saham, penebusan saham atau pemilikan suatu aset modal berakhir (Transaksi Sebelah Pihak) yang tidak termasuk dalam definisi 'pelupusan' lama hanya dianggap sebagai pelupusan bagi tujuan CKM mulai 1 Januari 2026. Oleh itu, sekiranya pelupusan berlaku sebelum 1 Januari 2026, transaksi tersebut tidak dianggap pelupusan bagi tujuan CKM dan pembayar cukai dibenarkan untuk membuat rayuan terhadap CKM yang telah dikenakan.

Pn. Rosnita memaklumkan bahawa sebelum ini, LHDNM pernah memberikan maklum balas bahawa bagi Transaksi Sebelah Pihak adalah termasuk dalam definisi 'pelupusan' lama dan CKM dikenakan sekiranya transaksi berlaku sebelum 1 Januari 2026. Walau bagaimanapun, isu ini telah dibincangkan semula dan LHDNM mengesahkan bahawa definisi 'pelupusan' baharu bagi Transaksi Sebelah Pihak dianggap sebagai pelupusan bagi tujuan CKM berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026. Sehubungan itu, pembayar cukai boleh membuat rayuan sekiranya CKM telah dikenakan bagi transaksi yang berlaku sebelum 1 Januari 2026.

- 2.2. Disamping itu, En. Anil Kumar memohon penjelasan bagi kes agihan tunai yang diterima daripada Transaksi Sebelah Pihak boleh digunakan sebagai nilai balasan dan bukannya nilai pasaran kerana tidak melibatkan pihak ketiga. Pihak persatuan berpandangan peruntukan nilai pasaran di bawah seksyen 65E(8) atau 65E(11)(b) tidak perlu diambilkira bagi transaksi tersebut. Sekiranya pembayar cukai menerima aset bukan tunai hasil daripada Transaksi Sebelah Pihak, seksyen 65E(11)(b) terpakai untuk membolehkan KPHDN menentukan nilai pasaran aset tersebut sekiranya KPHDN tidak bersetuju dengan nilai yang diisytiharkan oleh pembayar cukai.

Walaupun bagaimanapun, terdapat percanggahan maklum balas bagi perenggan 1.1(3) dan 1.1(5), Memorandum Bersama di mana dalam perenggan 1.1(3) Memorandum Bersama, nilai pasaran tidak diambilkira sebagai nilai balasan pelupusan manakala dalam perenggan 1.1(5) Memorandum Bersama, nilai balasan pelupusan adalah melibatkan nilai pasaran.

CEO menjelaskan maklum balas dalam perenggan 1.1(9)(a)(i), Memorandum Bersama telah menjelaskan bahawa sekiranya transaksi melibatkan pelupusan dalam bentuk selain tunai (in-specie), maka nilai pasaran digunakan sebagai nilai balasan pelupusan.

- 2.3. Berkenaan isu di perenggan 1.1(9)(c) Memorandum Bersama, pihak persatuan memerlukan penjelasan bagi senario di mana sekiranya beberapa kelas saham diperoleh secara berperingkat iaitu bukan pada tarikh yang sama tetapi pelupusan saham dibuat secara sekaligus pada satu tarikh yang sama di bawah satu perjanjian, boleh dianggap sebagai satu pelupusan.

Pihak persatuan berpandangan pelupusan tersebut boleh diisytiharkan secara sekaligus dalam satu perjanjian (satu BNCKM) dan harga pelupusan adalah mengikut perjanjian pelupusan manakala harga pemerolehan adalah merujuk kepada jumlah hasil tambah semua harga pemerolehan saham (agregat).

Pengerusi bersetuju dengan pandangan pihak persatuan di mana sekiranya beberapa kelas saham diperolehi bukan secara sekaligus tetapi pelupusan dibuat secara sekaligus, maka pelaporan dibuat dalam satu BNCKM.

Walau bagaimanapun, harga pemerolehan perlu dilaporkan dalam Helaian Kerja BNCKM mengikut harga pemerolehan masing-masing. Maklum balas dalam perenggan 1.1(9)(c) Memorandum Bersama akan dikemaskini.

- 2.4. Seterusnya, pihak persatuan memohon pertimbangan LHDNM untuk meminda maklum balas LHDNM di perenggan 2.1(2)(a) Memorandum Bersama iaitu perkataan 'bertanggungjawab' kepada 'dibenarkan'. Perkataan 'dibenarkan' adalah lebih sesuai digunakan kerana pihak yang dibenarkan untuk memfailkan penyata tidak terhad kepada pihak yang bertanggungjawab untuk memfailkan penyata.

Pengerusi bersetuju dan memaklumkan maklum balas LHDNM akan dipinda.

- 2.5. Bagi isu di perenggan 2.1(2)(b) Memorandum Bersama pula, pihak persatuan memohon agar maklum balas LHDNM diperhalusi bagi mengesahkan pihak yang bertanggungjawab memfailkan penyata duti setem adalah Company XYZ Pte Ltd. dan LHDNM tidak akan mengambil tindakan terhadap Company ABC Sdn Bhd sekiranya Company XYZ Pte Ltd. tidak mematuhi kewajipan pemfailan penyata duti setemnya.

Pengerusi bersetuju dan memaklumkan maklum balas LHDNM akan ditambahbaik bagi tujuan penjelasan.

- 2.6. Berkenaan isu di perenggan 2.2(1) Memorandum Bersama, pihak persatuan memohon LHDNM memberi pertimbangan berhubung surat cara yang dikecualikan adalah termasuk kontrak penggajian dan tidak perlu dikemukakan melalui sistem untuk pengendorsan. Ini bagi meringankan beban pembayar duti kerana terdapat senario syarikat yang mempunyai beratus-ratus perjanjian dan perlu memperbaharui perjanjian setiap tahun sekiranya terdapat perubahan terma kontrak.

Pengerusi memaklumkan bahawa dalam sesi libat urus bersama persatuan serta pihak berkepentingan berhubung layanan duti setem ke atas surat cara penggajian yang diadakan pada 28 Januari 2026, pihak LHDNM mengambil maklum perkara ini dan akan merujuk semula perkara ini dengan pihak MOF.

- 2.7. Bagi isu di perenggan 2.2(4) Memorandum Bersama, pihak persatuan memohon pertimbangan LHDNM untuk menetapkan satu pendirian di mana hanya kontrak induk (kontrak penggajian) di antara majikan dan pekerja dikenakan duti setem sebanyak RM10, manakala semua surat cara lain berkaitan kontrak penggajian tersebut tidak dianggap sebagai surat cara yang tertakluk kepada duti setem.

Pengerusi memaklumkan pertimbangan telah diberikan sama seperti keputusan dalam sesi libat urus pada 28 Januari 2026 iaitu hanya kontrak penggajian induk sahaja dikenakan duti.

Walau bagaimanapun, perkara ini akan diteliti dan dirujuk semula dengan MOF.

- 2.8. Isu seterusnya yang dibincangkan adalah di Perenggan 2.4 Memorandum Bersama, iaitu sekiranya penalti di bawah Seksyen 47A telah dikenakan ke atas sesuatu surat cara, maka penalti di bawah Seksyen 72C tidak akan dikenakan ke atas surat cara yang sama, dan begitu juga sebaliknya. Namun begitu, ianya bercanggah dengan contoh 6 di dalam Garis Panduan

Pengenaan Penalti ke atas Surat Cara yang Lewat Disetemkan di bawah Akta Setem 1949 bertarikh 6 November 2025.

Pengerusi memaklumkan akan menyemak semula isu ini. Semakan telah dibuat dengan Bahagian Duti Setem dan mendapati garis panduan tersebut tidak perlu dipinda kerana contoh-contoh yang disediakan adalah berkaitan dengan senario lewat pengemukaan Borang Nyata yang merujuk kepada perundangan yang berkuat kuasa pada masa garis panduan disediakan. Maklum balas LHDNM bagi perenggan 2.4 akan dikemaskini.

- 2.9. Selain itu, En. Anil Kumar memaklumkan bahawa tiada maklum balas disediakan oleh LHDNM di perenggan 3.2(1), Memorandum Bersama bagi menjelaskan isu CKHT berkaitan had kerugian di bawa hadapan dalam tempoh 10 tahun. Pihak persatuan mencadangkan tiada had masa ditetapkan bagi membawa ke hadapan kerugian CKHT kerana pembayar cukai mungkin tidak dapat menggunakan kerugian yang dibawa ke hadapan dalam tempoh 10 tahun memandangkan transaksi modal tidak kerap berlaku. Selain itu, cadangan alternatif adalah memberikan had tempoh yang lebih panjang bagi kerugian yang boleh dibawa ke hadapan iaitu selama 15 hingga 20 tahun atau digabungkan dengan (group relief) bagi membolehkan kerugian tersebut digunakan.

Pengerusi mengambil maklum berhubung cadangan tersebut dan maklum balas LHDNM akan dikemaskini.

- 2.10. Seterusnya, di perenggan 4.1 Memorandum Bersama, pihak persatuan sedia maklum maklum balas yang telah diberikan oleh LHDNM berkaitan agihan daripada Amanah Pelaburan Hartanah (REIT). Walau bagaimanapun, pihak persatuan berpandangan sekiranya mekanisme cukai pegangan dihentikan selepas TT 2025, terdapat potensi berlakunya ketirisan cukai memandangkan individu yang menerima agihan REIT terutamanya individu bukan pemastautin mungkin tidak memfailkan BNCP atau tidak melaporkan agihan REIT dalam BNCP yang dikemukakan kerana kurang kesedaran mengenai kewajipan melaporkan pendapatan tersebut. Selain itu, ia boleh mengurangkan daya tarikan pelabur untuk melabur dalam REIT kerana beban cukai lebih tinggi ke atas pendapatan agihan REIT terutamanya kepada individu bukan pemastautin. Oleh itu, pihak persatuan memohon perkara dipertimbangkan semula dalam cadangan Bajet 2027.

En. Saiful menjelaskan bahawa cadangan ini telah dibincangkan dengan teliti di peringkat MOF semasa Bajet 2026 dan keputusan dasar telah dibuat untuk tidak melanjutkan layanan cukai pegangan ke atas agihan keuntungan dari REIT tetapi belum dimaklumkan secara rasmi kepada pihak persatuan. Beliau juga memaklumkan bahawa melalui data pembayar cukai yang diperolehi, jumlah pelabur asing tidak ramai iaitu sebanyak 2,102 orang sahaja daripada keseluruhan pelabur berjumlah 199,000 orang. Walau bagaimanapun, pihak MOF sedia untuk mempertimbangkan semula dalam Bajet 2027 sekiranya terdapat pendekatan baharu.

- 2.11. Bagi isu berbangkit di perenggan 5.4 Memorandum Bersama, pihak persatuan memerlukan penjelasan lanjut maklum balas LHDNM berhubung keuntungan yang diagihkan oleh Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) kepada pekongsi individu yang dikategorikan sebagai pendapatan perniagaan. Pihak persatuan berpendapat bahawa agihan oleh PLT kepada rakan kongsi adalah berbeza daripada pendapatan yang diterima melalui perkongsian biasa kerana ianya pendapatan pasif dan bukannya pendapatan perniagaan. Pihak persatuan memohon LHDNM untuk mempertimbangkan semula pendirian berhubung perkara ini.

Pn. Rosnita menyatakan bahawa keuntungan yang diagihkan oleh PLT kepada pekongsi individu dikategorikan sebagai pendapatan perniagaan kerana berdasarkan data LHDNM, pembayar cukai telah melaporkan agihan keuntungan yang diterima dari PLT secara konsisten dan mirip kepada perkongsian biasa. Walau bagaimanapun, pihak LHDNM mengambil maklum pandangan pihak persatuan dan akan meneliti semula maklum balas tersebut.

- 2.12. Selain itu, pihak persatuan mengambil maklum dengan maklum balas LHDNM di perenggan 6.9(1), Memorandum Bersama, iaitu tidak semua pengilang tempatan mempunyai lesen pengilang kerana terdapat pengilang yang dikecualikan daripada memegang lesen di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 (ICA 1975). Pihak persatuan memohon pihak MOF menjelaskan jenis dokumen yang diperlukan untuk membuktikan pengilang adalah pengeluar tempatan sama ada boleh dibuat pengisytiharan sendiri daripada pengilang atau sebagainya.

En. Ibrahim memaklumkan bahawa pembayar cukai boleh meminta pengilang yang dikecualikan daripada memegang lesen pembuatan di bawah ICA 1975 untuk mendapatkan surat pengesahan daripada MIDA bagi mengesahkan bahawa mereka adalah pengilang tempatan. Walau bagaimanapun, pihak persatuan memohon MOF meneliti semula keperluan pelesenan pada masa ini. Selain itu, pihak persatuan memohon LHDNM memberikan contoh pengilang tempatan yang lain selain daripada pengilang kenderaan bermotor seperti yang dimaklumkan dalam maklum balas bagi rujukan pembayar cukai. Pihak LHDNM mengambil maklum dan akan mengemaskini maklum balas tersebut.

- 2.13. Seterusnya, di bawah perenggan 6.9(3), Memorandum Bersama, pihak persatuan mencadangkan supaya peruntukan eksklusif (mutually exclusive) seharusnya diguna pakai pada peringkat aset dan bukannya pada peringkat syarikat. Oleh itu, sesebuah syarikat sepatutnya dibenarkan menuntut ACA bagi sesuatu aset selagi tiada insentif dituntut ke atas aset yang sama di bawah P.U. (A) 328/2024. Pihak persatuan memohon pengesahan LHDNM dan mencadangkan penjelasan tersebut dimasukkan dalam garis panduan mengenai ACA sekiranya garis panduan dikeluarkan.

Pengerusi memaklumkan isu ini akan diteliti semula dan maklum balas LHDNM akan dikemaskini.

## **2. PENUTUP**

Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak MOF, wakil persatuan, barisan pengurusan tertinggi LHDNM dan pegawai LHDNM yang menghadiri sesi dialog ini. Penelitian semula akan dibuat ke atas maklum balas yang diberikan sebelum ini dan seterusnya tindakan pengemaskinian maklum balas akan dilaksanakan.

Sesi Dialog ditangguhkan pada pukul 11.25 pagi.

Disahkan oleh :

Untuk dan bagi pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



**[ DATUK HISHAM BIN RUSLI ]**

b.p Pengerusi Sesi Dialog

Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

## MINIT SESI DIALOG ISU BERBANGKIT DARIPADA UCAPAN BAJET 2026 DAN RANG UNDANG-UNDANG CUKAI 2025 ANTARA LHDNM DENGAN PERSATUAN AKAUNTAN DAN PENGAMAL PERCUKAIAN

**24 Februari 2026**

---

Disahkan tertakluk kepada penjelasan lanjut sekiranya terdapat pertanyaan berkenaan maklum balas kepada komen daripada pihak persatuan:

Untuk dan bagi pihak *Chartered Tax Institute of Malaysia, Malaysian Institute of Accountants, The Malaysian Institute of Certified Public Accountants and The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators.*

 Digitally signed  
by Soh Lian Seng  
Date: 2026.05.25  
17:57:08 +08'00'

**[EN. SOH LIAN SENG]**

*President*

*Chartered Tax Institute of Malaysia*